

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 27

## Perdagangan negara cecah RM2.8 trilion

### Perdagangan negara cecah RM2.8 trilion

**KUALA LUMPUR** - Malaysia mencatatkan lonjakan dalam jumlah perdagangan sebanyak 27.8 peratus kepada RM2.8 trilion pada 2022 berbanding RM2.2 trilion setahun sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

Eksport meningkat 25 peratus kepada RM1.6 trilion pada 2022 berbanding RM1.2 trilion pada 2021, manakala import meningkat 31.3 peratus kepada RM1.3 trilion berbanding RM987.3 bilion setahun sebelumnya, katanya dalam satu kenyataan sempena laporan Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2023 pada Isnin.

Ia berkata, tujuh negeri mencatatkan pertumbuhan dua digit untuk eksport dan import iaitu Labuan, Sarawak, Kedah, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Sabah.

DoSM berkata, Pulau Pinang kekal sebagai peng-eksport utama Malaysia dengan menyumbang 29.9 peratus, diikuti Johor (21 peratus) dan Selangor (17.8 peratus).

"Pertumbuhan eksport itu disokong oleh eksport litar elektronik bersepadu yang kukuh di Pulau Pinang dan Selangor, manakala produk petroleum bertapis merupakan penyumbang utama eksport di Johor," katanya.

Sementara itu, DoSM menyatakan Selangor kekal mendominasi import Malaysia dengan 25.7 peratus, diikuti Pulau Pinang (22.6 peratus) dan Johor (22.4 peratus).

Import yang tinggi dicatatkan di Selangor disumbangkan oleh barangan elektrik dan elektronik. Di samping itu, litar elektronik bersepadu merupakan penyumbang utama import di Pulau Pinang. - *Bernama*

